

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr. Mahathir kekal sebagai Ketua UMNO Kubang Pasu

ALUR SETAR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah di antara tiga ketua UMNO di Kedah yang menang tanpa bertanding dalam mesyuarat perwakilan masing-masing yang berlangsung serentak semalam.

Datuk Seri Dr. Mahathir kekal sebagai ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu bagi kali ketiga berturut-turut.

Dua lagi Ketua Bahagian yang menang tanpa bertanding ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin bagi bahagian Jerlun dan ahli exco negeri Datuk Haji Khalid bin Abdullah bagi bahagian Alur Setar.

Ahli exco kanan Datuk Haji Osman bin Aroff juga menang tanpa bertanding untuk jawatan timbalan ketua bahagian Kubang Pasu, manakala Ketua Pemuda UMNO Kedah, Haji Hanafi bin Ramli menang tanpa bertanding bagi jawatan naib ketua.

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Dr. Asifudin bin Hj Omar adalah salah seorang muka baru yang dipilih sebagai ahli jawatankuasa bahagian tersebut.

Sementara itu, Timbalan Ketua Bahagian Jerlun, Encik Mahmud bin Hj Jalli dan Naib Ketua Bahagian, Datuk Sanusi Junid yang juga

menteri pembangunan dan luar bandar kekal dengan jawatan masing-masing setelah menang tanpa bertanding.

Bagi bahagian Alur Setar, Senator Dasron bin Hanafiah menang tanpa bertanding bagi jawatan timbalan ketua, sementara Encik Omar Idris kekal sebagai naib ketua bahagian setelah menewaskan tiga pencabarnya.

Mesyuarat agung perwakilan UMNO bahagian Kubang Pasu dan bahagian Alur Setar dirasmikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir manakala mesyuarat bahagian Jerlun dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Wan Muhammad bin Wan Teh.